



17 MAR, 2026

Tiga lelaki maut ketika cuba curi kabel milik TNB

Berita Harian, Malaysia



Tiga lelaki maut ketika cuba curi kabel milik TNB

Mangsa dipercayai terkena renjatan ketika cuba potong kabel elektrik

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
 bhnews@bh.com.my

Ipoh: Tiga lelaki ditemui maut dipercayai akibat renjatan elektrik ketika cuba mencuri kabel milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di kawasan tanah lapang di Taman Rapat Perdana, di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Ipoh, Asisten Komisioner Muhammad Najib Hamzah, berkata polis menerima aduan orang awam kira-kira jam 10 pagi mengenai kejadian curi kabel di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, sepasukan anggota dari Balai Polis Kampung Rapat kemudian bergegas ke lokasi sebelum menemui tiga lelaki berusia antara 35 hingga 50 tahun yang dipercayai sudah meninggal dunia akibat renjatan elektrik.

"Siasatan awal mendapati ketiga-tiga lelaki itu dipercayai



Anggota polis membawa mayat mangsa yang ditemui di kawasan tanah lapang di Taman Rapat Perdana, Ipoh, semalam.
 (Foto L Manimaran/BH)

terkena renjatan elektrik ketika cuba memotong kabel elektrik pada tiang milik TNB," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kenal pasti punca kematian

Beliau berkata, mayat mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk bedah siasat bagi mengenal pasti punca sebe-

nar kematian.

Kes disiasat mengikut Seksyen 379/511 Kanun Keseksaan kerana cubaan mencuri dan turut diklasifikasikan sebagai laporan mati mengejut (SDR) sementara menunggu hasil siasatan lanjut.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan diminta tampil membantu siasatan

dengan menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh di talian 05-2451500 atau mana-mana balai polis berhampiran.

"Polis menasihatkan orang ramai supaya tidak terbabit dalam kegiatan jenayah seperti mencuri kabel kerana perbuatan itu bukan sahaja menyalahi undang-undang, malah boleh membahayakan nyawa," katanya.